

Dasar nasional mengenai perpaduan akan diperkenal bagi kesepaduan social

Malaysiakini

27 September 2021

Dasar nasional mengenai perpaduan akan diperkenal untuk menggalakkan kesepaduan sosial dan keharmonian serta memanfaatkan kepelbagaian sebagai aset bagi memperkukuh perpaduan rakyat.

Menurut dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) 2021-2025 yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi hari ini menyebut dasar tersebut akan menggariskan tiga teras bagi meneraju agenda perpaduan iaitu, membina rakyat yang patriotik dan demokratik, membentuk identiti nasional serta memperkukuh ekosistem perpaduan.

“Pelan tindakan juga akan diperkenal untuk menterjemahkan dasar melalui pelaksanaan program dan inisiatif khusus merentasi pelbagai sektor dan agensi bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan rakyat,” katanya.

Dasar berkenaan digariskan di bawah strategi memperkukuh tadbir urus bagi

memperkuat perpaduan untuk negara makmur, yang menjadi keutamaan RMK12 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut dokumen itu lebih banyak program peningkatan keupayaan akan diadakan bagi memperkuat kompetensi dan membangunkan pakar rujukan dalam bidang perpaduan.

Bagi menggalakkan penggunaan platform digital secara beretika, beberapa peruntukan dalam perundangan sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan disemak semula dan diperkuat, bagi mengawal penyebaran maklumat berniat jahat dan hasutan serta berita palsu, yang mengancam perpaduan dan keharmonian negara.

Program advokasi mengenai penggunaan media digital yang beretika dan bertanggungjawab akan diperluas pada seluruh lapisan masyarakat bagi mengekalkan keharmonian.

Menurut dokumen itu, penggunaan media digital yang beretika akan dimasukkan ke dalam program akademik yang relevan serta aktiviti kokurikulum di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk menggalakkan rakyat mempelajari

bahasa tempatan lain seperti bahasa Mandarin, Tamil dan bahasa etnik lain.

Kaedah pembelajaran bahasa tempatan lain akan dipelbagai dengan memanfaatkan teknologi digital. Inisiatif ini akan membolehkan rakyat lebih memahami pelbagai adat dan budaya serta meningkatkan tahap kepercayaan antara satu sama lain.

- Bernama

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/592966>